

Tinjauan: Belia lebih bersikap baik terhadap individu kaum dan rakyat lain

SIKAP belia terhadap individu berlainan bangsa dan kerakyatan telah bertambah baik, menurut satu tinjauan bersama 3,531 belia.

Ia merupakan antara dapatan utama Majlis Belia Kebangsaan (NYC), yang mendedahkan Tinjauan Belia Kebangsaan 2016 semalam.

Tinjauan itu melibatkan belia berusia antara 15 dengan 34 tahun dan menyentuh isu seperti kebanggaan nasional, aspirasi masa depan mereka dan penyertaan sivik.

Ini kali kelima tinjauan itu diadakan sejak ia dimulakan pada 2002.

Ditanya sama ada mereka bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka selesa bekerjasama dengan individu berlainan bangsa, responden memberi 4.55 mata secara purata berdasarkan skala 5 mata, dengan 5 mata menandakan “amat setuju”.

Ia lebih tinggi berbanding 4.37 mata pada 2013 – kali terakhir tinjauan itu diadakan.

Kadar bagi sama ada mereka selesa bekerja dengan individu berlainan kerakyatan juga meningkat daripada 4.11 mata pada 2013 kepada 4.44 mata pada 2016.

Peratusan belia yang mempunyai rakan rapat berlainan bangsa juga meningkat daripada 53 peratus pada 2013 kepada 60 peratus pada 2016, sementara mereka yang memiliki rakan rapat berlainan kerakyatan turut naik daripada 42 peratus kepada 45 peratus.

Namun, para belia tidak yakin sepenuhnya mereka boleh menangani cabaran kehidupan.

Satu penunjuk baru yang digunakan dalam tinjauan 2016 itu – yang bertanya belia sama ada mereka bersetuju dengan kenyataan seperti sama ada mereka boleh bangkit semula dengan pantas setelah melalui tempoh mencabar – mendapati mereka mencatatkan 3.29 mata pada skala 5 mata, dengan 5 mata menandakan paling berdaya tahan.

Lebih ramai belia juga bimbang tanggungjawab yang dipikul apabila mereka mencapai usia dewasa, seperti membayar bil tepat pada masanya.

Ia satu daripada tiga isu teratas yang membuat belia rasa tertekan setelah isu ketidakpastian tentang masa depan dan pengajian.

Namun begitu, aspirasi lain kekal konsisten.

Umpamanya, tujuh dalam 10 belia menganggap mempunyai rumah sendiri dan mengekalkan hubungan keluarga yang kukuh adalah matlamat kehidupan “amat penting”.

Tahap kebanggaan nasional dalam kalangan responden juga telah meningkat.

Ditanya sama ada mereka bangga menjadi rakyat Singapura, mereka mencatatkan 3.37 mata daripada skala 4 mata – dengan 4 mata menandakan “amat bangga”. Kadar pada 2013 ialah 3.18 mata.

Lebih ramai belia juga kini menjadi warga yang aktif. Berbanding 65 peratus pada 2013, sebanyak 68 peratus belia terlibat dalam kumpulan masyarakat seperti seni, sukan atau kebajikan sosial tahun lalu.

NYC juga mengumumkan semalam bahawa ia akan bekerjasama dengan Makmal Sosial Institut Pengajian Dasar (IPS) bagi menjalankan Kajian Belia Mengenai Peralihan Dan Laluan Perkembangan Di Singapura untuk mengumpulkan data mengenai aspirasi dan sikap anak muda demi memahami hasil kebangsaan dan sosio-ekonomi seperti mobiliti sosial dan kesejahteraan subjektif.